

**CADANGAN REKA BENTUK SISTEM MAKLUMAT EKSEKUTIF (EIS)  
BERASASKAN WEB UNTUK RANCANGAN TEMPATAN**

**HAIZA WAHIDA BINTI HARON**

**LAPORAN PROJEK INI DIKEMUKAKAN  
SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT  
PENGANUGERAHAN IJAZAH SARJANA MUDA PERANCANGAN BANDAR  
DAN WILAYAH**

## ABSTRAK

Rancangan tempatan (RT) boleh didefinisikan sebagai suatu peta dan pernyataan bertulis dan disokong oleh garis panduan pelaksanaan yang menerangkan dengan lebih terperinci segala cadangan-cadangan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan untuk pemajuan dan penggunaan tanah. Laporan ini merupakan salah satu daripada bahan rujukan atau garis panduan yang disediakan untuk membentuk dan memantau pembangunan supaya dijalankan secara teratur. Namun begitu, terdapat isu-isu yang menyumbang kepada ketidakberkesanan proses penyediaan dan pelaksanaan Rancangan Tempatan. Isu pertama ialah amalan seranta dikatakan kurang berkesan dalam meningkatkan penglibatan orang awam. Hasil kajian terhadap program seranta yang telah dijalankan oleh JPBD pada tahun 2001 mendapati bilangan orang awam yang mengunjungi pameran draf rancangan tempatan adalah diantara 1% hingga 12% sahaja. Kesannya, matlamat program seranta dijalankan tidak dapat dicapai sepenuhnya. Isu kedua pula adalah berkenaan dengan peringkat pelaksanaan Rancangan Tempatan yang tidak berkesan. Laporan RT tidak digunakan dengan sebaiknya meyebabkan penyediaan laporan RT tidak mencapai objektif yang dikehendaki. Kesan daripada itu, pendekatan pemantauan yang efektif diperlukan untuk memastikan pelaksanaan RT dijalankan secara lebih berkesan. Kewujudan teknologi GIS berasaskan laman web pada masa ini banyak membantu dalam meningkatkan keupayaan perancangan melalui kerjasama dan penglibatan semua pihak dari peringkat permulaan. Sehubungan itu, teknologi web-based GIS ini dilihat sebagai mampu memainkan peranan penting dalam menggalakkan penglibatan awam. Ini adalah berdasarkan keupayaannya menyumbang kepada integrasi capaian dan pengurusan data pengguna mendorong kepada perlaksanaan perkongsian maklumat diantara badan-badan kerajaan dan kumpulan awam yang terlibat. Dengan kesedaran ini, kajian pengkaji memfokus kepada cadangan reka bentuk Sistem EIS berasaskan laman web bagi menangani isu yang dihadapi di peringkat seranta dan pelaksanaan Rancangan Tempatan. Pendekatan berasaskan konsep penyertaan awam dan teknologi GIS berasaskan web dijadikan asas dalam membentuk cadangan tersebut. Dengan penemuan kajian ini, diharapkan agar dapat menjadi panduan dalam membentuk amalan seranta yang berkesan, dan membantu di dalam kaedah pelaksanaan dan pemantauan yang lebih mudah dan efektif.

## ABSTRACT

*Local plan can be defined as a map and a written statement which are supported by a guide line that explains in detail every suggestions made by the local authorities to develop and utilize the land. This report is one of the references that can also be used as a guide line that is made to build and observe the development in order for it to carry on smoothly. Nevertheless, there are still many issues that can contribute to the problems in the proses of preparing and the developing the local plan. The first issue is the publicity process which is said to be not effective in involving the local people. Research results towards the program that has been done by JPBD in the year 2001 shows that the amount of local people that come to the road show of these local plan's are 1% to 12% only. The result to this is that the objectives of these programs are not accomplished. The second issue is related to uneffective implementation of local plan. The local plan is not used to the best and these results does not meet the local plan objectives. Results from that, a better approach toward the observation should be enforced to ensure the development of the local plan is carried out more effectively. With the latest web based GIS technology, will assist a lot in increasing the capability of efficiency and with the support of all the people involved. Regarding that, the web based technology GIS is able to help play important roles in developing public awareness. This is based on the ability of it to help integrate the findings and the management of the data which encourages the user to share the information found between the local people and the government authorities. With this awareness, the researcher will focus on a suggestion to propose a Web-based Executive Information System to solve problems that is faced by the publicity level and also in the implementation of the local plan. The approach that is based on public relation and GIS technology web based is made as the basic concept in developing the proposal. In the findings of this research, it is hoped to be a guide in developing a good public participation, and also helps in the implementation and observation to be more effective.*